




## Institut Biosains UPM Diiktiraf Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi

Terima peruntukan RM3 juta setahun, Prof. Dr. Ghizan ketua Kluster Pertanian



Naib Canselor UPM (kanan) menerima watikah pengiktirafan HICoE daripada Perdana Menteri (tengah) disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi (kiri).

PUTRAJAYA, 1 April – Kerajaan mengiktiraf Institut Biosains (IBS), Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) daripada 166 pusat kecemerlangan institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang memohon pengiktirafan sejak 2008.

Watikah pengisytiharan HICoE yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak kepada Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah membolehkan IBS menerima peruntukan RM3 juta setahun.



Perdana Menteri menyerahkan lantikan Kluster Pertanian dan Keselamatan Makanan kepada Prof. Dr. Ghizan Salleh.

Selain IBS, lima lagi HICoE yang diiktiraf ialah dari Universiti Sains Malaysia (2 HICoE), Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi MARA.

Dato' Seri Mohd Najib berkata pemilihan HICoE bertujuan memastikan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi IPTA memperoleh sumber yang mencukupi bagi menyokong Sistem Inovasi Kebangsaan yang seterusnya meningkatkan daya saing inovasi negara.

Beliau berharap agar lebih banyak Pusat Kecemerlangan diberikan status HICoE bagi membantu pembangunan negara untuk memastikan IPT akan terus berdaya saing dan relevan dalam pelbagai bidang penyelidikan dan kepakaran.



*Warga Institut Biosains yang berjaya diiktiraf sebagai Pusat Kecermelangan Pengajian Tinggi (HICoE)*

“Peruntukan yang diberikan adalah untuk membantu melonjakkan pencapaian HICoE ke peringkat antarabangsa dari segi kualiti penyelidikan, perolehan akreditasi prasarana fizikal serta peluasan jaringan dengan industri tempatan mahupun institusi antarabangsa,” katanya pada majlis pelancaran Majlis Profesor Negara dan Pusat Kecermelangan Pengajian Tinggi (HICoE) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Tambah beliau, penarafan ‘best of the best CoE’ sebagai HICoE di peringkat nasional ini amat perlu, sebelum ia dapat dilonjakkan ke peringkat antarabangsa.

Dalam majlis yang sama juga kerajaan melancarkan Majlis Profesor Negara (MPN) yang menggabungkan kepakaran 1,426 profesor dari seluruh IPTA negara ini dengan membahagikan kepada 14 kluster.

Majlis tersebut berperanan membantu pembentukan dasar-dasar kerajaan dan isu-isu berkaitan rakyat dan negara khususnya untuk memperkukuhkan asas penggubalan dasar negara dan juga menjayakan Model Ekonomi Baru (MEB).

Mantan Dekan Fakulti Pertanian Prof. Dr. Ghizan Saleh dilantik mengetuai Kluster Pertanian dan Keselamatan Makanan.

13 kluster yang lain ialah Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam; Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan; Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan; Kluster Industri dan Inovasi; Kluster Politik Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa; Kluster Sains dan Matematik; Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kluster Teknologi Maklumat dan Komunikasi; Kluster Kejuruteraan dan Teknologi; Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya; Kluster Pembangunan Sosial dan Kesejahteraan; Kluster Ekonomi dan Kewangan dan Kluster Farmasi dan Sains Gunaan.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertindak sebagai sekretariat MPN dan keanggotaannya akan diperluaskan di IPTS setelah berjaya mencapai sasaran sekretariat.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Noor Eszereen Juferi dan Khairul Anuar Muhamad Noh 03-89466013).**